

23/09/2001

Atlit juga harus gemilang di gelanggang lawan

Razali Yahya

SEKALIPUN Sukan Sea XXI sudah melabuhkan tirainya enam hari lalu dalam upacara penutup yang berlangsung dalam suasana sederhana, rasanya masih belum terlambat untuk mengucapkan segunung tahniah kepada seluruh kontinjen Malaysia di atas kejayaan muncul sebagai juara keseluruhan selepas meraih 111 pingat emas.

Apapun, kejayaan gemilang yang dicapai kontinjen Malaysia memang wajar dikongsi bersama seluruh rakyat negara ini. Ini kerana semua pihak iaitu daripada atlit, pegawai, sukarelawan dan rakyat jelata yang tidak jemu-jemu meneriak kata-kata keramat 'Malaysia Boleh', adalah manifestasi kepada keputusan sungguh luar biasa itu. Hujan pingat emas dengan angka keramat '111' yang dituai di gelanggang sendiri pastinya akan terus dikenang oleh generasi akan datang kerana sejak Sukan Seap 1959, kita tidak pernah terbayang untuk melakukan keajaiban melepasi 100 pingat emas.

Begitupun, kita cukup tertarik dengan peringatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahukan atlit negara supaya jangan hanya mencapai keputusan cemerlang di tempat sendiri, sebaliknya harus gemilang di gelanggang lawan. Peringatan Perdana Menteri itu seharusnya dihayati secara mendalam oleh semua pihak yang terbabit terutama atlit agar tidak hanya bermegah di gelanggang sendiri tetapi harus lebih cemerlang apabila bertanding di luar negara.

Ini bermakna atlit negara harus membiasakan diri mencatat keputusan gemilang tanpa diberi sorakan dan sokongan padu sebagaimana yang diperlihatkan sepanjang Sukan Sea XXI yang berakhir Isnin lalu. Kita sama sekali tidak mahu dicop atau digelar sebagai 'jaguh kampung' gara-gara kejayaan gemilang di tempat sendiri. Situasi ini memang ada kebenarannya. Sejauh ini kontinjen Malaysia belum pernah melakukan 'keajaiban' sebagaimana kejayaan mencipta sejarah pada Sukan Sea XXI yang lalu. Bila kejayaan ini tidak diterjemahkan pada temasya akan datang, maka tidak syak lagi atau lebih tepat bahawa gelaran 'jaguh kampung' akan terus meniti di bibir peminat sukan tanah air.

Begitupun, persaingan dan cabaran atlit negara selepas ini adalah berat dan mencabar. Ini kerana tahun depan kita akan menghadapi cabaran Sukan Asia di Pusan, Korea Selatan dan Sukan Komanwel Manchester. Selepas itu menyusul Sukan Sea XXII 2003 di Vietnam. Jadi, apakah kita mampu mengulangi dan seterusnya mempertahankan kejuaraan yang baru kita sandang itu dapat dilaksanakan di Vietnam nanti?

Bagaimanapun, jika kita halusi satu persatu jenis sukan yang membawa kepada kejayaan gemilang kontinjen Malaysia pada Sukan Sea yang lalu, tidak keterlaluan kalau dikatakan beberapa acara sukan bagi kategori subjektif banyak membantu kepada pungutan pingat emas. Sebaliknya, bagi jenis sukan yang menggunakan tenaga, pencapaian Malaysia secara keseluruhan adalah tidak memberangsangkan. Untuk itu, seharusnya Majlis Sukan Negara (MSN) dan Majlis Olimpik Malaysia (MOM) bersiap sedia lebih awal mengambil langkah tepat bagi menghadapi temasya yang sama di Vietnam 2003. Ini kerana, sebagai tuan rumah, Vietnam sudah semestinya bertindak akan menggugurkan beberapa acara yang pada pandangan mereka tidak membantu kepada pungutan pingat. Ini sekali gus bermakna beberapa acara yang menyumbang kepada pingat emas Malaysia pada Sukan Sea yang lalu, hampir pasti tidak disenaraikan.

Justeru, MSN mahu MOM dan persatuan sukan kebangsaan perlu duduk semeja seawal mungkin untuk menghadapi sebarang kemungkinan tindakan yang bakal

dilakukan oleh Vietnam pada temasya 2003 nanti. Jika pihak-pihak berkenaan masih terus dibuai keseronokan selepas kejayaan menjuarai Sukan Sea yang lalu dan menganggap temasya di Vietnam masih jauh, kita tidak menolak kemungkinan kealpaan kita akan membawa padah dan hasrat mempertahankan kejuaraan itu pada 2003 pasti hanya tinggal impian.

Kemungkinan ini berlaku sudah dapat digambar lebih awal. Belumpun sempat kontinjen luar negara pulang ke negeri masing-masing selepas berakhirnya Sukan Sea XXI Isnin lalu, MSN melalui Ketua Pengarahnya Datuk Mazlan Ahmad menyindir Kesatuan Olahraga Amatur Malaysia (KOAM) selepas persembahan buruk atlit olahraga pada temasya 10 hari itu. Mazlan dengan lantang mahukan KOAM 'membersihkan' rumahnya dahulu sebelum mendekati MSN untuk menjalinkan hubungan lebih akrab antara kedua-duanya. Sindiran tajam Mazlan itu kerana beliau kecewa dengan prestasi KOAM yang gagal mencapai sasaran 16 pingat emas. Lebih pedih lagi, Mazlan menyifatkan jika tidak ada lapan emas yang disumbang melalui olahraga, kontinjen Malaysia masih boleh menjadi juara.

Teguran Mazlan itu memang ada kebenarannya. Bagaimanapun, sebagai Ketua Pengarah MSN, beliau sama sekali tidak wajar bertindak mengecam atau menyelar KOAM secara terbuka ketika seluruh kontinjen negara sedang asyik meraikan kejayaan menjuarai Sukan Sea XXI. Lebih teruk lagi sindiran mengatakan bahawa kontinjen Malaysia mampu muncul juara sekalipun tanpa sumbangan olahraga adalah keterlaluan. Ini kerana sindiran melampau Mazlan di akhbar tempatan itu pasti mewujudkan rasa kurang senang di kalangan pegawai KOAM sekalipun mereka gagal mencapai sasaran 16 emas. Kita memang akui KOAM gagal menyerlah tetapi menafikan sama sekali sumbangan KOAM pada Sukan Sea kali ini adalah tidak wajar. Sekurang-kurangnya atlit olahraga masih boleh menyumbang lapan pingat emas menerusi atlit senior.

Sebenarnya teguran Mazlan itu harus direnung secara mendalam oleh KOAM kerana disebabkan kepincangan yang melanda badan itu adalah terjemahan kepada kegagalan buruk olahraga pada temasya kali ini. KOAM juga harus akur bahawa acara olahraga menjadi tumpuan pada mana-mana temasya dan kegagalan memenangi pingat pada jumlah besar jelas menghancurkan aspirasi rakyat dan negara secara keseluruhan.

Ini kerana sejak kepemimpinan baru mengambil alih pucuk pimpinan KOAM, program latihan olahraga difahamkan hanya bermula Februari lalu berbanding sukan lain yang sudah memulakannya sejak tahun lalu. Selain itu, program yang dirancang nampak kucar-kacir. Keadaan menjadi lebih haru-biru lagi apabila wujud pergaduhan antara atlit dan jurulatih, permainan politik dalaman, kecenderungan beberapa pegawai KOAM berperang dengan MSN serta pemilihan yang mengelirukan, sekali gus menyumbang kepada kegagalan olahraga pada temasya di gelanggang sendiri. Persoalannya, apakah langkah yang harus dilakukan oleh KOAM untuk mengembalikan semula keyakinan peminat sukan terhadap sukan olahraga?

Untuk itu, Mazlan sebenarnya mahu KOAM merenung dalam diri mereka dan menunjukkan keikhlasan sebelum benar-benar mahu menjalinkan kerjasama dengan MSN bagi memajukan sukan olahraga. Baginya selagi KOAM tidak ikhlas, selagi itulah Mazlan nampaknya tidak bersedia untuk mengadakan perbincangan. Pegawai-pegawai KOAM seharusnya muhasabah diri atau cermin diri sendiri dengan memperbetulkan pengurusannya sebagaimana yang diluahkan Ketua Pengarah MSN itu.

Dengan keadaan KOAM yang nampak kucar kacir itu, MSN tidak harus terlalu menekan secara membuta tuli. MSN juga harus bertanya apa sumbangan atlit kendaliannya di temasya Sukan Sea XXI itu? Nampaknya baik KOAM dan MSN, masing-masing usah terlalu menuding jari untuk mencari siapa salah. Semuanya sudah berlalu dan kontinjen Malaysia sudahpun muncul sebagai juara keseluruhan. Jadi, mana-mana persatuan sukan yang tidak cemerlang harus 'membuka mata' atau 'sedar diri' untuk memperbaiki kedudukan agar

kepincangan dan kegagalan itu tidak berulang pada temasya akan datang.

Bayangkan, kalau Kabinet sendiri sudah campur tangan dengan mengarahkan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) memberikan perhatian khusus kepada acara olahraga, bermakna kerajaan benar-benar bimbang dengan situasi semasa KOAM. Arahkan Kabinet itu harus dipandang serius dan positif. Ini bermakna KBS melalui organisasi di bawahnya seperti MOM dan MSN wajar mencari formula dan pendekatan terbaik bagi meningkatkan semula prestasi olahraga. Itu baru sukan olahraga sudah sampai kepada Kabinet. Sebenarnya banyak lagi sukan harus ditegur oleh kerajaan. Kabinet berbuat demikian kerana kerajaan hampir saban tahun menyediakan peruntukan besar untuk kemajuan sukan. Apabila peruntukan itu tidak setimpal dengan pencapaian atlit negara pada sukan antarabangsa, kerajaan melihatnya sebagai satu pelaburan yang sia-sia dan merugikan.

Sebelum kerajaan bertindak mengurangkan atau memotong peruntukan dalam belanjawan negara akan datang berhubung dengan sukan, ada baiknya teguran Kabinet itu dipandang serius oleh semua pihak termasuk KBS, MOM, MSN dan persatuan sukan kebangsaan. Oleh itu, jadikan pencapaian gemilang pada temasya Sukan Sea XXI sebagai pendorong untuk lebih cemerlang pada temasya sukan yang lebih besar terutama Sukan Asia dan Sukan Olimpik.

(END)